

**SPR Terbit Buku Perjelas Isu Daftar Pemilih
Bernama
24 Julai, 2012**

PUTRAJAYA, 24 Julai (Bernama) -- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Selasa mengedarkan buku bertajuk 'Daftar Pemilih: Isu dan Penjelasan' bagi menjawab 10 isu yang sering dibangkit beberapa pihak mengenai Daftar Pemilih.

Pengerusi SPR Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata sebanyak 10,000 salinan buku dwibahasa itu diedar kepada beberapa pihak termasuk jabatan kerajaan, parti politik, badan bukan kerajaan (NGO) dan media di seluruh negara.

"Melalui buku yang kita terbitkan sebelum ini, kita mendapat pujian kerana setidak-tidaknya orang ramai dapat memahami isu ini.

"Tidak ramai yang faham mengenai isu-isu ini kerana ia diputar belit oleh beberapa pihak," katanya kepada pemberita sebelum Majlis Berbuka Puasa SPR, di sini hari ini.

SPR sebelum ini menerbitkan buku bertajuk 'Fakta Sebenar Di Sebalik Dakwaan dan Fitnah Terhadap SPR' pada April lalu, dengan cetakan sebanyak 5,000 salinan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682910>

